

Headline	Jepak Holdings mohon syarikat tidak digulung		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	16
ArticleSize	221 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 22,038		



Perbicaraan kes Rosmah

Jepak Holdings mohon syarikat tidak digulung

Kuala Lumpur: Jepak Holdings Sdn Bhd yang terbabit dengan projek sistem solar hibrid di 369 sekolah luar bandar Sarawak mengemukakan tindakan undang-undang bagi melindungi syarikat itu daripada digulung.

Syarikat itu dinyatakan dalam tuduhan dan sebahagian daripada perbicaraan kes rasuah Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan serta Operasi Genset/Diesel bagi 369 sekolah luar bandar Sarawak bernilai RM1.25 bilion yang dihadapi Datin Seri Rosmah Mansor.

Mengikut laporan sebuah portal berita semalam, Jepak Holdings memohon untuk diletakkan di bawah pengurusan kehakiman mengikut Seksyen 405 Akta Syarikat 2016.

Seksyen terbabit memperuntukkan Mahkamah Tinggi boleh membenarkan permohonan itu

jika ia berpuas hati bahawa syarikat tidak boleh melangsaikan hutang, namun pada masa sama kelangsungan syarikat perlu dipastikan untuk merealisasikan asetnya, daripada ia melalui proses penggulungan.

Permohonan difailkan firma guaman Tetuan DZ Shim, melalui saman pemula di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di sini, pada 16 Januari lalu.

Melalui dokumen tindakan, Jepak Holdings berkata, terdapat beberapa tuntutan difailkan terhadapnya berikutan Kementerian Pendidikan tidak membuat pembayaran bagi projek pada Oktober 2018.

Jepak Holdings berkata, ia dimaklumkan oleh kementerian bahawa Pasukan Petugas Khas diwujudkan bagi mengenal pasti kesahihan tandatangan pengetua sekolah berkaitan projek itu.

Menurut syarikat itu, tuntutan

undang-undang difailkan terhadapnya berikutan kegagalan kementerian membuat pembayaran.

Katanya, sebahagian besar asetnya adalah melalui hutang oleh kementerian dan jika ia berjaya mendapatkan jumlah dituntut, pemiutangnya boleh mendapatkan sebahagian besar hutang dituntut atau dengan sepenuhnya.

Pada prosiding di Mahkamah Tinggi semalam, mahkamah membenarkan permohonan TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd untuk menjadi pencelah dalam saman pemula itu dan menetapkan 24 Mac ini bagi keputusan permohonan Mastijaya Sdn Bhd untuk menjadi pencelah.

Kedua-dua syarikat itu adalah pemiutang yang membantah permohonan Jepak Holdings dalam tindakan saman pemula berkenaan.